

# Ekonomi: Ingatan kepada orang Melayu

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan, peluang orang Melayu mengukuhkan kedudukan ekonomi mereka adalah sekarang, bukan di masa akan datang.

Perdana Menteri berkata: "Jika peluang ini kita sia-siakan tidak mungkin kita mendapat peluang seperti ini lagi."

"Kita tentu tidak mahu menjadi seperti setengah-setengah orang Islam yang diberi nikmat Allah dengan tidak terhingga, tetapi mereka menghabiskan masa, tenaga dan kekayaan untuk bertelingkah sesama sendiri," tegasnya.

Ketika berucap di Perhimpunan Agung Umno ke-34 semalam, beliau menegaskan, di Malaysia orang-orang Melayu bukan saja berlumba dengan kaum lain, tetapi berlumba dengan negara-negara jiran.

"Tidak syak lagi bahawa pengasingan diri kita dari kegiatan ekonomi akan melemahkan kita dari segi ketahanan dan kebajikan hidup, bahkan dari segi kekuatan iman.

"Hari ini pun sudah ramai orang Islam yang menolak agama mereka kerana tekanan kemiskinan, ideologi komunis atau kerana tertakluk dan ditindas oleh orang lain.

"Jika kita tidak mahu bekerja kuat dan tekun belajar, jika kita tidak jujur dan beramanah, maka kita juga akan mengalami nasib yang sama. Semoga Allah lindungi kita dari kecelakaan ini," tegasnya sungguh-sungguh.

Perdana Menteri berkata, setiap orang dalam masyarakat moden bergantung kepada beribu-ribu orang lain dalam masyarakatnya dan masyarakat lain.

Tidak ada seorang pun yang dapat hidup di dunia secara berasingan jika ia inginkan kebajikan di dunia dan akhirat, katanya.

Pepatah "membuat baik dibalas baik" memang berasas dan sesuai setiap masa dan bagi setiap masyarakat, kata Perdana Menteri lagi.